

Di tengah cubaan bawa negeri itu keluar dari Malaysia

# RASMI: UMNO

LAGI BERITA  
DAN GAMBAR  
DI MUKA 8 DAN 16

22 FEB 1991

# LAHIR DI SABAH

Oleh  
Khalid Mohd.

**K**OTA KINABALU 21 Feb. — UMNO lahir di Sabah tepat jam 2.40 petang ini di tengah-tengah cubaan untuk membawa negeri ini keluar daripada Malaysia dalam pergolakan politik yang semakin bergelora.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan penubuhannya di Perhimpunan Agung USNO dengan penuh yakin menegaskan: "Mungkin suatu hari nanti anak Sabah akan menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia."

Kata-kata ini membuat para perwakilan 'melompat' dengan laungan 'hidup UMNO.' Tepukan bergema tidak berhenti-henti. Dewan Perdana Wisma MUIS di mana perhimpunan itu berlangsung menjadi riuh-rendah

Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun tersenyum lebar sambil mengangguk-angguk.

Sebaik-baik sahaja Dato' Sri Dr. Mahathir selesai berucap, Tun Mustapha terus menyerahkan borang keahliannya kepada Dato' Sri Dr. Mahathir dengan diiringi tepuk sorak dan laungan 'hidup UMNO.'

Kemudian Timbalan Presiden USNO, naib-naib presiden, ahli-ahli Majlis Tertinggi serta wakil daripada kesemua 48 bahagian USNO menyerahkan borang keahlian masing-masing.

Semua sekali 50,000 borang keahlian diserahkan hari ini.

Selepas itu Dato' Sri Dr. Mahathir menyerahkan bendera UMNO kepada Tun Mustapha dalam suasana yang begitu mengharukan.

Bendera itu kemudian dinaikkan dengan iringan lagu rasmi UMNO yang dinyanyikan dengan megah dan bersemangat oleh para perwakilan USNO bersama-sama kumpulan koir parti itu.

Bila lagu itu berkumandang, suasana dewan persidangan serta-merta bertukar, tidak ubah

**LIHAT MUKA 2**

## RASMI: UMNO LAHIR DI SABAH

22 FEB 1991

seperti suasana di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

USNO yang lahir 29 tahun lalu, seolah-olah hilang dibawa irama lagu UMNO yang dinyanyikan dengan begitu bersemangat buat pertama kali di bumi Sabah.

Para perwakilan yang ditemui kemudian menyifatkan apa yang berlaku pada hari ini sebagai satu peristiwa yang membuka era baru dalam politik Sabah yang membawa rakyatnya ke dalam arus politik nasional.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang berucap selama 1 jam 40 minit jelas telah menimbulkan satu semangat baru di kalangan ahli-ahli USNO dalam pidatonya yang kemas, tersusun dan memukau para perwakilan yang tidak putus-putus memberi tepukan.

Para pemerhati politik pula menyifatkan ucapannya pada hari ini sebagai antara yang terbaik pernah disampaikan tanpa menggunakan teks.

Dalam ucapan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, UMNO dari dulu lagi mengaggap USNO sebagai saudaranya dan memberi jaminan bahawa UMNO Sabah akan tetap dipimpin oleh anak negeri ini sendiri bila semua urusan penubuhan-

nya selesai.

Sambil melahirkan rasa terharunya dengan penerimaan hangat rakyat Sabah terhadap kemasukan UMNO ke negeri ini, Perdana Menteri berkali-kali menekankan bahawa kunci kepada kejayaan parti itu bergantung kepada perpaduan ahli-ahlinya serta sikap tolak ansur mereka.

Beliau meminta ahli-ahli USNO supaya menerima orang-orang daripada parti lain menyertai UMNO dan jangan sekali-kali bersifat tamak.

"Kita harus sedia berundur setapak ke belakang untuk melangkah 10 tapak ke hadapan."

"UMNO Sabah tidak boleh terhad kepada ahli-ahli USNO sahaja. Orang-orang bukan USNO pun perlu dibawa masuk untuk menjayakan perjuangan ini.

"Niat kita hanya satu...untuk menyatupadukan bumiputera Sabah supaya UMNO dapat berkuasa dan menubuhkan kerajaan negeri kelak.

"UMNO Sabah hendaklah gembelngkan seluruh tenaga bumiputera di sini untuk mencapai matlamat ini," ujar beliau disambut tepukan gemuruh.